



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj: Bil (39) dlm. BPFK/02/5/1.3

Tarikh: 10 Januari 2005

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

SEMUA PERSATUAN INDUSTRI BERKENAAN

Tuan/Puan,

ADUAN MENGENAI PEMUNGUTAN BAYARAN OLEH PEGAWAI BPFK UNTUK PENAJAAN RUANGAN IKLAN DALAM MAJALAH SUARA KESATUAN PEMBANTU FARMASI BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (KEMENTERIAN KESIHATAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan ini, dukacita dimaklumkan bahawa pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah menerima beberapa aduan mengenai adanya pihak yang mengaku sebagai "Pegawai BPFK" bertindak serta mengugut untuk memohon penajaan ruangan-ruangan iklan untuk penerbitan majalah seperti tersebut di atas.
3. Pihak BPFK ingin menegaskan bahawa majalah tersebut adalah diterbitkan oleh Kesatuan Pembantu Farmasi Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (Kementerian Kesihatan) Semenanjung Malaysia dan bukan oleh BPFK.
4. Pihak BPFK tidak pernah mengeluarkan apa-apa arahan atau surat untuk tujuan mengutip bayaran iklan untuk majalah berkenaan dan tidak bertanggung-jawab di atas sebarang hal yang berkaitan dengan penerbitan kesatuan berkenaan. Sebarang kaitan atau rujukan yang dibuat atas nama Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dengan kesatuan tersebut adalah di luar pengetahuan institusi ini.
5. Pihak BPFK menyeru kepada syarikat/organisasi tuan/puan supaya membuat laporan bertulis kepada pihak kami sekiranya terdapat sebarang ugutan atau paksaan daripada pihak-pihak tertentu yang menggunakan nama BPFK atau bertindak sebagai anggota BPFK


untuk mendapatkan bayaran iklan untuk penerbitan tersebut. Tindakan pihak yang ingin menjelaskan nama baik BPFK adalah amat dikesali.

6. Justeru itu, sebarang aduan, ugutan atau paksaan mengenai pengutipan bayaran tersebut bolehlah dikemukakan terus kepada Pengarah, Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan di alamat seperti di atas untuk siasatan lanjut dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UTAMAKAN KUALITI, EFKASI DAN KESELAMATAN"

Saya yang menurut perintah,


(EISAH BINTI A. RAHMAN)
Timbalan Pengarah
Pusat Pendaftaran Produk
b.p. Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia